



**SIARAN SERTA MERTA**

UKK/600-01/02 Jld 7

## SIARAN MEDIA

### **APRESIASI SENI MENERUSI *KUL ART AIRPORT* DI 4 BUAH LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA DALAM NEGARA**

**9 April 2022** – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensinya Balai Seni Negara telah menganjurkan *KUL Art Airport* dengan kerjasama Malaysia Airports. Program ini adalah merupakan satu inisiatif bagi merealisasikan karya seni awam dapat dipertontonkan di empat lokasi lapangan terbang antarabangsa kendalian Malaysia Airports iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Pulau Pinang (PIA), Kota Kinabalu (KKIA) dan Kuching (KIA).

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya pada 9 April 2022, bertempat di Balai Pelepasan KLIA. Pameran *KUL Art Airport* ini telah pun berlangsung sejak Mac 2022 hingga Jun 2022 akan datang. Objektif pameran ini adalah untuk memperkasa ekosistem industri pelancongan dan kebudayaan yang inklusif serta memberi peluang kepada seniman tempatan menerokai dan memperkenalkan identiti seni dan budaya di pelantar antarabangsa.

Sejajar dengan matlamat Balai Seni Negara dalam melestarikan ekosistem seni tempatan, *KUL Art Airport* dilihat dapat menjadi tarikan baharu pelancong domestik dan antarabangsa sekaligus ia dapat memperkenalkan konsep seni kepada orang ramai. Malaysia Airports turut menyambut baik inisiatif ini kerana ia bukan sahaja menceriakan suasana di lapangan terbang, malah membantu meningkatkan nama seniman tempatan di persada dunia yang juga merupakan salah satu aspirasi tanggungjawab sosial korporat organisasi.

Karya-karya di semua lokasi ini memberi fokus kepada elemen budaya, seni, warisan dan alam semula jadi. Karya Sumay Cheah dan Ho Lay Hoon daripada OtherHalf yang bertajuk "OH!Budaya" dipamerkan di PIA. Di KLIA, "*Polyhedron Pavilion*" yang dipamerkan merupakan hasil karya Allahyarham Noah Iskandar Fuad. Manakala di KKIA, lukisan mural "*The Nature Mind of Landscape*" hasil karya Kenji Chai dipamerkan di pintu masuk balai pelepasan dan di KIA pula, dipamerkan hasil karya oleh kolektif seni Aftermath Thinker Art Collective iaitu "*Reciting Hope*".

“Pendekatan visual di ruang awam empat (4) lapangan terbang antarabangsa ini memberi peluang kepada penggiat seni untuk menerokai identiti tempatan, melalui platform yang melibatkan pelancong tempatan dan antarabangsa. Selain bersifat artistik, karya yang dipamerkan juga membawa mesej melalui pendekatan interaktif kepada semua genre umur dan pelbagai bangsa serta negara. Penerapan teknologi terkini turut diberi keutamaan agar seiring dengan perkembangan semasa,” ujar YB Dato’ Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha Kebudayaan MOTAC, YBhg. Dato’ Indera Dayang Fatimah Tom Abang Saufi, Pengerusi Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN), Ybhg. Dato’ Iskandar Mizal Mahmood, Pengarah Urusan Malaysia Airports, YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah LPSVN dan YBrs Puan Hani Ezra Hussin, Pengurus Besar Kanan, Perkhidmatan Komersil, Malaysia Airports.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my) atau kunjungi laman sosial rasmi Balai Seni Negara.

#ComingBackStronger  
#KeluargaMalaysia  
#BekerjaUntukRakyat

---

*Dikeluarkan oleh:*  
**Unit Komunikasi Korporat**  
**BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**  
No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur  
Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998  
E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

**Balai Seni Negara:**

**Sarifah Abu Bakar Ebau**

T: +60 16 494 7921

E: [sarifah@artgallery.gov.my](mailto:sarifah@artgallery.gov.my)

**Wan Nor Hidayah Wan Idris**

T: +60 17 987 3303

E: [hidayah@artgallery.gov.my](mailto:hidayah@artgallery.gov.my)